

BOLA BALING

1. PERATURAN TEKNIKAL

- 1.1 Pertandingan acara Bola Baling akan dijalankan mengikut undang-undang seperti berikut:
 - 1.1.1 Undang-undang dan Peraturan AM Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.
 - 1.1.2 Undang-Undang '**International Handball Federation**' (IHF).
- 1.2 Kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut :
 - 1.2.1 Lelaki
 - 1.2.2 Wanita
- 1.3 Pendaftaran pemain:
 - 1.3.1 1 pasukan Lelaki : Maksima 14 orang Atlet, 1 orang Pengurus, 1 orang Jurulatih
 - 1.3.2 1 pasukan Wanita : Maksima 14 orang Atlet, 1 orang Pengurus, 1 orang Jurulatih
 - 1.3.3 Hanya Pemain dan Pegawai yang berdaftar dan mempunyai Kad Akreditasi dan namanya tercatat dalam borang pendaftaran pasukan dibenarkan berada di bangku pemain ketika permainan berlangsung.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Sistem Pertandingan
 - 2.1.1 Sila rujuk Peraturan Am (9.0) Peraturan Am Sukan MASUM
- 2.2 Jenis Pertandingan
 - 2.2.1 Tempoh permainan Secara Liga Pusingan Awal dan Kalah Mati dengan masa permainan 25 minit setiap separuh masa dengan 5 minit masa rehat (25 : 5: 25)
 - 2.2.2 Masa Rehat Pasukan (1 Minit)
 - 2.2.2.1 Setiap pasukan dibenarkan meminta 1 minit masa rehat (Team Time-Out) sekali setiap separuh masa.
 - 2.2.2.2 Pegawai yang berdaftar bagi setiap perlawanan sahaja dari mana-mana pasukan dibenarkan memohon masa rehat dengan melayangkan KAD HIJAU berukuran 15 cm x 20 cm kepada Penjaga Masa (Time Keeper).
 - 2.2.2.3 Situasi yang dibolehkan untuk memberi kebenaran berhenti untuk masa rehat 1 minit
 - Semasa pasukannya mengawal bola-situasi menyerang
 - Selepas pasukannya terkena jaringan gol atau semasa balingan gol dari pasukan sendiri setelah bola tersasar keluar.

2.3 Sistem Pengiraan Mata / Cara Menentukan Kedudukan

2.3.1 Secara Liga

2.3.1.1 Cara memberi mata :	Menang	-	2 mata
	Seri	-	1 mata
	Kalah	-	0 mata

2.3.1.2 Jika dua atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

- Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira menang.
- Jika masih seri, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol dikira menang.
- Jika masih seri, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya diambil kira.
- Jika masih seri, balingan 7 meter akan dijalankan untuk menentukan pemenang. Sebanyak 5 balingan dibenarkan dan sekiranya masih seri maka lontaran 'sudden death' dijalankan.

2.3.2 Secara Kalah Mati

2.3.2.1 Jika kedudukan masih seri selepas permainan penuh masa, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

- Perlawanan masa tambahan selama 10 minit (5 minit -1minit -5 minit)
- Jika keputusan masih seri, sistem balingan 7 meter mengikut peraturan IHF akan dijalankan.

2.4 Pakaian Seragam (Jersi)

Sila rujuk Undang-undang Bola Baling Antarabangsa (IHF) dan perkara-perkara berikut :

- 2.4.1 Semua pemain dimestikan memakai kasut dan bersarung kaki (menutup buku lali)
- 2.4.2 Pemain – pemain dibenarkan memakai kasut sukan. Kasut berpaku tidak dibenarkan sama sekali.
- 2.4.3 Setiap Pasukan dikehendaki membawa sekurang-kurangnya **2 set** jersi berlainan warna.
- 2.4.4 Pemain dimestikan memakai jersi yang bernombor di antara **1** hingga **99** dibahagian **belakang** dan **depan**.
- 2.4.5 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengistiharkan warna jersi masing-masing semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.
- 2.4.6 Pertukaran warna jersi : jika berlaku pemakaian jersi sama warna sebelum pertandingan oleh kedua-dua pasukan, **pasukan yang namanya tercatat dahulu dalam jadual perlawanan dikehendaki menukar jersi.**

2.5 Peralatan

2.5.1 Bola yang digunakan adalah :

Lelaki – MOLTEN H3X5001

Wanita - MOLTEN H2X5001

2.6 Gam

2.6.1 Penggunaan gam adalah **TIDAK DIBENARKAN**

3. RINGKASAN PENYERTAAN

Bola Baling	Atlet	Pegawai	Jurulatih	Jumlah
Lelaki	14 org	1 org	1 org	16 org
Wanita	14 org	1 org	1 org	16 org